



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

8 OKTOBER 2020

1. Operasi ladang itik, angsa tanpa lesen
2. 2 ditahan kes cemar Sungai Batang Benar
3. Pegawai keselamatan tambah pendapatan bela arnab, ayam

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 8 Oktober 2020

Media Cetak/Elektronik	Harian Metro	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	12	
Perkara	Pencemaran	

Operasi ladang itik, angsa tanpa lesen

Seremban: Kerajaan negeri akan melakukan tindakan pemutihan di kawasan ladang penternakan itik dan angsa di tepi Sungai Pajam serta Kawasan Perindustrian Nilai 3, Nilai.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Verapan berkata, berdasarkan siasatan dipercayai mereka beroperasi tanpa lesen sejak empat tahun lalu.

“Kerajaan negeri memandag serius kejadian pencemaran di Sungai Batang Benar kerana kejadian ini bukan baharu, tetapi ia yang kelima berlaku di negeri ini sejak November tahun lalu.

“Sebelum ini, beberapa kes

membabitkan pencemaran sungai berlaku di Mantin, Rasah, Rembau dan Port Dickson.

“Berdasarkan siasatan dan maklumat awal, dipercayai mereka beroperasi tanpa lesen namun siasatan masih dijalankan serta kerajaan negeri akan mengambil tindakan termasuk melakukan pemutihan di kawasan berkenaan,” katanya dihubungi, semalam.

Ahad lalu, loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi Selangor dihenti tugas susulan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai La-

ngat yang menjejaskan

309,605 akaun, sejak jam 4.30 petang.

**Kerajaan negeri
ambil tindakan
lakukan pemutihan
di kawasan berkenaan**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 8 Oktober 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	19	
Perkara	Pencemaran	

2 ditahan kes cemar Sungai Batang Benar

Suspek kena tangkap di Kota Bharu bantu siasatan

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Cheras: Polis menahan dua lelaki kelmarin bagi membantu siasatan kes pencemaran Sungai Batang Benar, Pajam, Negeri Sembilan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata suspek berusia 20-an dan 30-an itu ditangkap di Kota Bharu, Kelantan.

"Kita baru tangkap dua lelaki tengah hari semalam (kelmarin). Beri kita masa jalankan siasatan, kita tidak mahu terbu-

ru-buru atau tergesa-gesa. "Ini isu sensitif, kita tidak mahu ada unsur kecuaiian dalam hal ini," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Ahad lalu, loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas susulan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat, yang menjejaskan 309,605 akaun, sejak jam 4.30 petang.

Kejadian itu dikatakan berpunca daripada aktiviti pencucian secara besar-besaran di kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam, serta Kawasan Perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan.

Sejumlah 309,687 akaun pengguna di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas operasi di LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tam-

Beri kita masa jalankan siasatan, kita tidak mahu terburu-buru. Ini isu sensitif, kita tidak mahu ada unsur kecuaiian dalam hal ini.

Acryl Sani Abdullah Sani,
Timbalan Ketua Polis Negara

poi dihentikan insiden pencemaran di LRA itu.

Aktiviti pencucian secara besar-besaran di kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam, serta Kawasan Perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan, disyaki menjadi punca pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat.

Susulan itu, Jabatan Perkhidmatan Veteriner Negeri Sembilan

(JPVNS) menjalankan siasatan terhadap ladang itik dan angsa di Sungai Pajam bagi mengenal pasti punca sebenar pencemaran sehingga memberikan kesan kepada bekalan air sebahagian penduduk di Selangor.

Selain itu hasil pemeriksaan Kementerian Alam Sekitar dan Air mendapati bahan buangan haram serta bahan sebatian organik ter-sisa dikenal pasti punca kepada

pencemaran yang berlaku di Sungai Semenyih dan Sungai Langat, dekat sini.

Bahan buangan haram berkenaan ditemui di kawasan belukar pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, selain bau busuk di kawasan itu didapati hampir menyamai bau yang menjadi punca operasi LRA Sungai Semenyih dihentikan.

Suspek kes pencemaran dua sungai dikenal pasti

Pembelian punca operasi LRA Sungai Semenyih, Bukit Tampoi dibayar



...sangat bermalam legakan ibu bapa

Keratan akhbar BH, semalam.



KERATAN AKHBAR

Tarikh: 8 Oktober 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	7	
Perkara	Usahawan	



AHMAD KAMIZI menunjukkan baka arnab New Zealand yang dipeliharanya di Kampung Kuala Lah, Gua Musang semalam.

Pengawal keselamatan tambah pendapatan bela arnab, ayam

GUA MUSANG – Selain bekerja sebagai pengawal keselamatan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Lah di sini, seorang lelaki membuat keputusan untuk memelihara arnab dan ayam kampung bagi menampung kehidupan keluarga. Ahmad Kamizi Jalil, 52, berkata, kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan dia memikirkan alternatif lain untuk mencari pendapatan. Menurut bapa kepada lima anak itu, dia memikirkan rancangan jangka panjang bagi menampung kehidupan keluarganya.

Katanya, biarpun mempunyai pendapatan tetap sebagai pengawal keselamatan, Ahmad Kamizi tidak mahu bergantung kepada satu punca pendapatan sahaja. "Saya yakin pekerjaan sampingan memelihara arnab dan ayam kampung itu mampu memberi pendapatan lumayan untuk keluarga pada masa hadapan. "Sejak tahun lalu saya telah memelihara sebanyak lebih 100 ekor arnab putih baka New Zealand," katanya di sini semalam. Ahmad Kamizi mengakui pendapatan gajinya sebanyak

RM1,300 tidak mencukupi ketika ini. Katanya, dia berharap agar pekerjaan sampingan itu dapat membantunya dan keluarga. Katanya, ketika ini daging arnab itu mendapat permintaan tinggi di negara ini terutamanya bagi pasaran di Kuala Lumpur. "Selain arnab, saya turut memelihara 100 ekor ayam kampung. "Ayam kampung juga mendapat permintaan tinggi di pasaran kerana kekurangan penternak yang memeliharanya dengan kuantiti yang banyak," katanya.